

ABSTRAK

Penggunaan ayat al-Qur'an dalam bidang perubatan bukan satu perkara yang baru. Sejarah Islam jelas membuktikan bahawa Nabi Muhammad s.a.w sendiri menggunakan ayat daripada al-Qur'an untuk mengubati penyakit. Di samping itu terdapat banyak hadith yang berkaitan dengannya. Senario yang berlaku dalam masyarakat umat Islam hari ini terhadap perubatan Islam adalah berbagai. Ada antara mereka mempercayainya dan ada yang tidak. Keadaan ini berlaku sama ada disebabkan oleh kekurangan pengetahuan tentang perkara tersebut atau kemudahan untuk mendapatkan rawatan cara Islam terbatas akibat bilangannya yang terhad. Sesetengah daripada mereka pula percaya bahawa hanya rawatan moden dapat menyembuhkan penyakit sedangkan hakikatnya perubatan moden dan Islam saling memerlukan. Sesungguhnya setiap penyakit mempunyai cara rawatan yang berbeza. Sesetengah penyakit perlu kepada rawatan di hospital dan sesetengah yang lain boleh dirawat dengan menggunakan ayat al-Qur'an dan doa. Contohnya penyakit darah tinggi, migrain dan sebagainya. Dengan adanya kajian ini penulis berharap anggapan sedemikian tidak lagi berlaku dan ia dapat memberi input yang berguna kepada masyarakat. Dalam kajian yang bertajuk "**Penggunaan Ayat al-Qur'an Dalam Bidang Perubatan**", Darussyifa' telah dipilih untuk menjadi model kepada bentuk rawatan Islam. Ia merupakan satu tempat alternatif yang terbaik dalam bidang ini. Kajian ini didahului dengan pengenalan yang meliputi latar belakang masalah dan metodologi penyelidikan. Kemudian ia diikuti dengan bab satu yang merangkumi sejarah penubuhan Darussyifa' dan perkara yang berkaitan dengannya. Seterusnya dalam bab dua penulis membincarakan tentang konsep perubatan dalam Islam. Bab tiga merupakan intipati kajian di mana penulis membincangkan tentang penyakit dan kaedah rawatan yang terdapat di Darussyifa' dalam mengubati pesakit. Seterusnya dalam bab empat penulis membincangkan secara terperinci tentang statistik pesakit dan keberkesanan rawatan di klinik Darussyifa'. Kajian ini diakhiri dengan bab lima di mana penulis merumuskan keseluruhan kajian di samping mengemukakan beberapa cadangan kepada pihak yang terlibat dan kesimpulan bagi kajian yang dilakukan.

ABSTRACT

The uses of al-Qur'an's passage in medicine are not something new. History had shown that Prophet Muhammad s.a.w. himself had used it to cure some illnesses. Today, not all Muslim believe in Islamic medication. These scenarios happened due to limited knowledge, awareness and resources available to public. To some of us, we only believe in modern medication. While the others might have different believe. The fact is that there is symbiosis between modern and Islamic medication. We knew that cancers, tumors and some surgeries could only be done in modern hospital but what we might not know is that, some trifling cases like migraine, high blood pressure are curable with Islamic medication. With this research "**The uses of al-Qur'an's Passage in Medication**", the researcher hoping to rejuvenate view towards Islamic medication. In this study, we chose Darussyifa' as study area simply because it's the best in its field. As for the introduction, this research discussed about background and research methodology. First chapter cover the history of Darussyifa'. Next, the writer discussed the concept of Islamic medication. In Chapter Three, we discussed about illnesses and treatment/healing procedure available in Darussyifa'. We then list down statistically, numbers of patients and successful treatment in Darussyifa' in Chapter Four. In the final chapter, we shall wrap up the research while giving some proposition to appropriate authority.